

Tarikh Dibaca: 13 Februari 2026M | 25 Sya'ban 1447H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“PUASA ITU PERISAI”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

"PUASA ITU PERISAI"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ
كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ.¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.

¹ Al-Baqarah: 183.

² Ali-'Imran: 102.

Pada hari yang mulia ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk **"PUASA ITU PERISAI"**.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Menjelang bulan Ramadhan yang mulia, kita sebagai Muslim dan Mukmin mesti menyambutnya dengan rasa gembira dan syukur atas nikmat peluang beribadah yang Allah SWT kurniakan. Ramadhan bukan sekadar menjalani rutin menahan diri daripada makan dan minum, tetapi madrasah akhlak yang mampu membentuk keperibadian jiwa yang lebih tenang, beradab dan berlapang dada.

Yakinlah, ibadah puasa yang akan kita jalani pada Ramadhan kali ini pastinya sedikit sebanyak dapat mendidik dan memperbaiki akhlak kita ke arah yang lebih baik dan positif. Ini bertepatan dengan peranan utamanya dalam pembinaan akhlak dan sejajar dengan matlamat yang Allah SWT tetapkan iaitu menghidupkan takwa dalam hati.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 183 yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman, diwajibkan kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas umat sebelum kamu mudah-mudahan kamu bertakwa!"

Daripada ayat ini jelas menunjukkan bahawa puasa adalah wasilah menuju takwa. Ibadah ini hakikatnya memperteguh sudut rohani dan akhlak kita, melatih kita untuk taat kepada Allah SWT dan mengikat diri daripada melakukan perkara yang diharamkan-Nya.

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah SWT,

Ibadah puasa juga sebenarnya berperanan sebagai perisai bagi jiwa seorang Muslim. Ia mampu menjauhkan kita daripada tutur kata yang buruk, perselisihan yang tidak berfaedah dan hawa nafsu yang mendorong kepada kejahatan dan dosa.

Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radiallahuanhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الصَّيَّامُ جُنَّةٌ، فَلَا يَرْفُثُ وَلَا يَجْهَلُ، وَإِنْ أَمْرٌ قَاتَلَهُ أَوْ
شَاتَمَهُ، فَلْيَقُلْ إِنِّي صَائِمٌ مَرَّتَيْنِ

"Puasa itu adalah perisai (daripada dosa dan api neraka). Maka janganlah kamu mengucapkan kata-kata keji dan janganlah kamu melakukan perkara kejahilan. Jika ada di antara kamu yang mencela atau mengajak berkelahi, maka katakanlah 'sesungguhnya aku berpuasa' sebanyak dua kali."

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Oleh itu, Ramadhan pada tahun ini turut mengingatkan kita agar tidak memutar belit fakta, tidak gopoh menghukum, tidak menuduh apatah lagi memfitnah, serta tidak menyebarkan sesuatu maklumat tanpa pengetahuan dan maklumat yang sahih. Ada kalanya kita merasakan diri kita sedang memperjuangkan kebenaran, sedangkan hakikatnya kita hanyalah mempertahankan sangkaan dan hawa nafsu kerana digerakkan oleh emosi, sentimen, atau sokongan ramai.

Sidang Jumaat yang berbahagia,

Seiring dengan itu, Islam mengajar kita prinsip *tabayyun* dan *tathabbut*, iaitu memastikan sesuatu perkara diselidik dan dipastikan kebenarannya terlebih dahulu sebelum membuat kenyataan atau menyampaikannya kepada khalayak ramai.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Hujurat ayat 6:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا
بِجَهْلَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ .

"Wahai orang yang beriman! Jika seseorang yang fasiq datang kepadamu membawa suatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya agar kamu tidak mendatangkan musibah kepada suatu kaum dengan perkara yang tidak diingini disebabkan kejahilan kamu (mengenalinya) sehingga akhirnya kamu menyesali perbuatanmu itu!."

Sidang Jumaat yang dimuliakan,

Ganjaran ibadah puasa sangatlah istimewa jauh melebihi amalan-amalan lain. Rasulullah SAW menjelaskan bahawa semua amalan anak Adam *Alaihissalam* ditentukan gandaan pahalanya, kecuali puasa kerana puasa itu adalah milik Allah SWT, dan hanya Dia yang mengetahui hakikat kesabaran, keikhlasan dan pengorbanan seseorang hamba di sebaliknya. Maka Allah SWT sendiri yang menjanjikan balasannya, suatu ganjaran yang tidak terukur dengan hitungan dan tidak mampu dicapai oleh penilaian akal manusia.

Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radiallahuanhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الصَّيَّامُ لِي وَأَنَا أَجْزِي بِهِ، وَالْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا

"Puasa itu milik-Ku, dan Aku sendiri yang akan membalasnya, sementara setiap amalan baik digandakan sepuluh kali ganda."

(Riwayat al-Bukhari).

Maka sidang jemaah sekalian, menjelang Ramadhan kali ini, Jadikanlah puasa kita puasa yang benar-benar ikhlas kerana Allah SWT. Jadikan jiwa kita lebih kuat untuk menangkis segala dorongan syahwat dan kejahatan yang boleh merosakkan diri serta masyarakat.

Para tetamu Allah SWT yang dimuliakan,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita bersama mengambil pengajaran untuk dijadikan pedoman dalam kehidupan seharian:

1. Umat Islam hendaklah memanfaatkan bulan Ramadhan dengan memperbanyak amal soleh dan menjadikan puasa sebagai perisai daripada kemungkaran serta menyedari bahawa setiap amalan yang ikhlas dibalas Allah SWT dengan ganjaran yang tidak terhingga.
2. Umat Islam hendaklah menjadikan bulan Ramadhan sebagai madrasah rohani yang membugar jiwa, bukan sekadar menahan lapar dan dahaga, tetapi melatih diri mengawal lisan, menundukkan hawa nafsu, memperbaiki akhlak dan memperteguh ketakwaan kepada Allah SWT.

3. Umat Islam hendaklah menjaga tutur kata dan tindakan dengan memastikan setiap perkataan yang keluar adalah benar dan berdasarkan fakta, agar tidak berlaku fitnah, tohmahan atau penyebaran maklumat tidak tepat yang boleh menimbulkan kepincangan dalam masyarakat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا.

"Wahai orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan ucapkanlah perkataan yang tepat lagi benar (dalam segala perkara)!"

(Surah al-Ahzab: 70)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الشَّرِيعَةَ، هَدَى لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.³

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

³ Al-Ahzab: 56.



ISLAMIC SAVOUR OBEEDIENCE

اَللّٰهُمَّ اَعِزَّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِيْنَ،
وَدَمِّرْ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ، وَاَجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ اَمِنًا مُّطْمَئِنًّا وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ وَفِّقْ اَئِمَّةَ الْمُسْلِمِيْنَ وَوُلاَةَ اُمُوْرِهِمْ وَجَمِيْعَ الْمُسْلِمِيْنَ لِمَا
فِيْهِ صَلاَحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنٰى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمٰى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلاَحِ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعُوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَغْكُوْ اَمِيْر شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِيْ اَمْنٍ وَصَلاَحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ

عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلَغَ
مَقَاصِدَهُمَا لَطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat *Radiallahuamhum*, seperti yang telah dirumuskan oleh Imam Abu Hasan al-Asya'ri dan Imam Abu Mansur al-Maturidi, beramal dengan Mazhab Al-Syafi'e dan menerima tiga mazhab yang lain, serta bertasawwuf dengan jalan Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali. Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan dan sifat ekstrim, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.

Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ
إِمَامًا.⁴

⁴ Al-Furqan: 74.

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.⁵
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁶
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.

⁵ Al-Baqarah: 201.

⁶ Al-Nahl: 90.